

Bantahan Dr Mahathir diterima

Hakim anggap saman fitnah Anwar Ibrahim salah guna proses mahkamah

BH - 5/7/2007.

Oleh Munira Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal dalam saman fitnahnya terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung dakwaan homoseksual terhadapnya pada sidang media anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) pada 2005.

Mahkamah Tinggi di sini, semalam, membenarkan bantahan awal Dr Mahathir untuk membatalkan saman itu sebelum perbicaraan penuh.

Ini kali kedua Anwar mengemukakan saman fitnah terhadap Dr Mahathir berhubung isu homoseksual.

Kali pertama Anwar menyaman Dr Mahathir pada 1999 menuntut RM100 juta berhubung dakwaan homoseksual pada sidang media pada tahun sebelumnya, beberapa minggu sebelum Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Saman itu dibatalkan Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam pada 30 Ogos 1999, juga selepas membenarkan bantahan awal Dr Mahathir.

Dalam keputusannya semalam, Pesuruhjaya Kehakiman, Tengku Maimun Tuan Mat, berkata Dr Mahathir mempunyai perlindungan bersyarat seperti diputuskan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dalam saman Anwar terhadap Dr Mahathir pada 1999.

Sehubungan itu, beliau menolak hujah peguam Anwar bahawa saman pada 1999 tidak wajar diambil kerana tidak melalui proses perbicaraan penuh dan diputuskan berdasarkan bantahan awal semata-mata.

“Walaupun tiada perbicaraan penuh ketika itu, keseluruhan kes plaintif dipertimbangkan mahkamah berdasarkan keterangan affidavit dan dokumen lain.

“Oleh itu, dalam kes ini, saya ber-

pendapat prinsip estoppel terpakai. Kes ini jelas satu penyalahgunaan proses mahkamah.

“Tiada sebab meneruskan perbicaraan penuh kerana latar belakang kes ini dan penghakiman dirujuk menunjukkan pembelaan defendan kukuh seperti juga kes pada 1999,” katanya.

(Estoppel adalah prinsip perundangan yang antara lain menghalang seseorang daripada membuka semula isu yang sudah diputuskan dalam prosiding perundangan terdahulu).

Anwar memfailkan saman itu pada 21 Januari 2006, mendakwa difitnah pada sidang media bertarikh 9 September 2005. Dalam pernyataan tuntutan, Anwar mendakwa kenyataan bekas Perdana Menteri itu menggambarkan beliau seorang yang melakukan perbuatan bertentangan Islam, tidak bermoral dan tidak layak memegang jawatan politik.

Anwar juga mendakwa defendan mengeluarkan kata-kata itu, walaupun mengetahui plaintif sudah dilepas dan dibebaskan Mahkamah Persekutuan pada 2 September 2004 daripada tuduhan meliwat.

Dr Mahathir dalam pembelaannya mendakwa mempunyai tanggungjawab sosial dan moral untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai salah laku seks oleh Anwar.

Tengku Maimun berkata, keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dalam saman 1999, menunjukkan Dr Mahathir mempunyai perlindungan bersyarat serta pembelaan wajar ketika membuat kenyataan itu.

“Walaupun tuduhan terhadap Sukma Darmawan Sasmitaat Madja (adik angkat Anwar) sudah diketepikan, tetapi mahkamah sebelum ini menerima dakwaan liwat membabitkan Azizan Abu Bakar (pemandu Anwar).

“Keputusan Mahkamah Persekutuan membebaskan plaintif (Anwar) daripada tuduhan itu juga tidak menyentuh mengenai homoseksual, sebaliknya mahkamah itu menerima bukti bahawa plaintif terbabit dalam aktiviti homoseksual,” katanya.

Beliau berkata, isu mengenai pengakuan Dr Munawar Ahmad Anees (penulis ucapan Anwar), juga sudah diputuskan dalam saman 1999, dan terpakai dalam kes ini.

(Munawar dipenjarakan enam bulan selepas mengaku membenarkan Anwar meliwatnya).

Peguam, Datuk V K Lingam, Datuk S Sithambaram dan R Thayalan mewakili Dr Mahathir, manakala Anwar diwakili peguam, Raja Aziz Addruse dan S N Nair.

Ketika ditemui di luar mahkamah, Nair berkata, pihaknya akan memfailkan rayuan terhadap keputusan itu.